



Pencaragam polis dan tentera memainkan lagu Enji-Enji Semut sewaktu menyambut kedatangan Perdana Menteri dan rombongan.

Perdana Menteri ingin buktikan bahawa Korea Selatan adalah negara yang boleh diteladani untuk majakan ekonomi negara

Lawatan ke Korea satu lagi usaha jayakan Dasar Pandang ke Timur

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Rencana dan gambar2 oleh ZAINUDDIN AYP

LAWATAN rasmi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selama seminggu ke Korea Selatan baru-baru ini bukanlah untuk makan angin, melihat pemandangan dan keindahan tempat orang atau berkenalan dengan para pemimpinnya. Tugas dan tanggungjawab Perdana Menteri adalah lebih dari itu. Berat dan mencabar.

Selaku pemimpin negara, beliau ingin meyakinkan rakyat bahawa dasar baru kerajaan — Memandang ke Timur — bukan omong-omong kosong. Beliau ingin membuktikan bahawa Korea Selatan, selain Jepun, adalah negara yang boleh diteladani untuk memajukan ekonomi negara dan rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir menitikberatkan kepakaran Korea dan kemajuan teknologinya, caranya menggunakan potensi untuk membangunkan negara adalah satu aspek penting yang perlu dipelajari dan seterusnya dilaksanakan.

Bellau juga menaja rombongan usahawan Malaysia ke republik itu supaya mereka dapat mengetahui dan memahami etika kerja rakyat Korea dan cara mereka menjalankan projek industri berat termasuk membuat kereta.

Soalnya, apakah faedah dan manfaat yang boleh kita terima dari Korea Selatan? Adakah pucuk pimpinan negara sudah meyakini bahawa negara itu sedia membantu Malaysia untuk melaksanakan dasar itu?

Jaminan Presiden

"Ya, dan inilah kesan lawatan saya selama seminggu ke republik itu. Sepanjang lawatan itu, saya dapat belajar dan mengetahui cara hidup dan etika kerja rakyat Korea. Saya juga dapat menyenangi dari Presiden Chun," katanya sehari sebelum pulang ke tanahair.

Bellau melawat Korea Selatan dari 8 hingga 14 Ogos lalu bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasnah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan lebih 30 usahawan Malaysia.

Turut sama dalam rombongan itu ialah Pengerusi Badan Kajian Industri Perindustrian (Mida), Tan Sri Isahak Pateh Akhri; Pengerusi Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hirom), Tan Sri Jamil Jan Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, Dr. Nawawi Mat Awai; Pengerusi Perbadanan Perindustrian Malaysia (MMC), Enock Desa Yache dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awan (CPA), Haji Ahmad Fauzi Akhmad.

Datuk Seri Dr. Mahathir berpuas hati dengan jaminan Presiden Chun Duo Hwan untuk membantu Malaysia melaksanakan dasar Pandang ke Timur. Antara bantuan yang sedang dan akan terus di-



Datuk Seri Dr. Mahathir disambut oleh Perdana Menteri Korea Selatan, Enkikim Sung-Hyup.

tawarkan ialah membuka pintu yang lebih luas kepada rakyat Malaysia untuk belajar sambil bekerja di firma-firma awatannya dan menawarkan tempat belajar di universiti-universiti tempatan.

Selain itu, Presiden Chun juga akan terus menggalakkan sektor swasta melaburkan modal di Malaysia dan mengandalkan projek secara usahawasa, khususnya dalam industri yang berkaitan bahan-bahan mentah tempatan.

Jaminan Korea Selatan ini membuktikan bahawa Malaysia boleh mengembangkan sektor perindustrian dengan lebih cepat selaras dengan matlamat Hancanaan Malaysia Kelima bermula 1986 yang menekankan aspek industri berat.

Apa kesedaran inilah kerajaan menghantar ramai pelajar dan pelatih untuk mengikuti kursus sambil bekerja di Jepun dan Korea. Sehingga ini kira-kira 200 pelajar Malaysia, termasuk 118 pelatih yang sedang bekerja sambil belajar selama enam hingga sembilan bulan di beberapa firma swasta di Korea.

Perdana Menteri menitikberatkan para pelatih itu supaya mencungkil rahsia kejayaan rakyat negara itu hingga republik itu menjadi salah sebuah negara perindustrian termaju di Asia.

Bellau menasihatkan mereka supaya bekerja berseungguh-sungguh untuk membuktikan kepada masyarakat Korea bahawa rakyat Malaysia juga kuat bekerja dan berdisiplin.

Sekembalinya ke tanahair kelak, Perdana Menteri menasihatkan mereka supaya menjadi contoh kepada rakan-rakan sekerja di samping menyebarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh sepanjang berurusan di Korea.

Cadangan kerajaan untuk mengeluarkan kerentanya sendiri menjelang tahun 1986 juga ada kal-

an dengan kunjungan ke Korea. Bellau berpeluang melawat dua syarikat pembuat kereta terbesar di republik itu iaitu Syarikat Daewoo Motor di Seoul dan Syarikat Hyundai Motor dekat Pusan, selatan Korea.

Syarikat Daewoo baru mengeluarkan 24,000 unit kereta sahaja selama ini. "Ini membuktikan bahawa industri kereta kita boleh menguntungkan walaupun dijalankan secara kecil-kecilan dan tanpa peralatan yang sophisticated," katanya sebelum ke tanahair, petang Ahad lalu.

Bellau sedar, usaha kerajaan mengeluarkan kereta sendiri 60,000 unit 4 peringkat (permulaan) membuktikan berbagai raket dari pelbagai pihak terutama yang mempermakan kemampuan dan daya hidup projek itu di dalam kedudukan kilang-kilang memasang kereta Jepun di negara ini.


Bahan2 mentah

"Pengalaman Korea Selatan lebih meyakinkan saya bahawa projek itu tidak akan gagal. Lebih-lebih lagi kemampuan rakyat Malaysia membeli dan memiliki kereta adalah besar, lebih besar dari Korea sendiri, yang berputus 40 juta," tambahnya.


Yang penting, tegas bellau, ialah keungguhan rakyat Malaysia untuk bekerja keras dan meningkatkan kecakapan serta daya pengeluaran bagi memastikan industri itu berjaya. "Contoh rakyat Korea bekerja," jelasnya sungguh-sungguh.

Memang diakui, rakyat republik itu, khususnya yang bekerja di sektor swasta, rajin, tidak suka membuang masa dan juga membangunkan syarikat di samping memajukan diri sendiri.

Kerajinan bekerja ini adalah didorong oleh si-



Perdana Menteri melihat ukiran kayu yang diusahakan oleh Syarikat Samick Furniture di Seoul.



Tujuh model kereta buatan Korea Selatan yang dikeluarkan oleh Syarikat Daewoo Motor di ibunkota.

kap pemerintah dan majikan tempat mereka bekerja. Selaku majikan memberi pelbagai kemudahan kepada pekerja seperti gaji yang lumayan, kemudahan perumahan, hospital, pusat riadah dan peluang kenaikan pangkat.

Hampir semua firma besar di Korea menyediakan kompleks perumahan di sekitar kompleks industri mereka. Hospital juga disediakan, manakala peluang kenaikan pangkat bagi mereka yang layak dan telah lama bekerja terbuka luas. Firma-firma swasta di Malaysia harus mencontohi Korea dalam hal ini.

Dalam lawatan Perdana Menteri ke Korea Selatan, bellau juga berpeluang melawat dua kilang pembuat perabot dari kayu iaitu Syarikat Samick Furniture di Seoul dan Hyundai Wood Industries di Pusan.

Sebahagian besar bahan mentahnya ialah kayu balak yang diimport dari Malaysia. Syarikat itu kemudian memprosesnya dan mengimport kembali keluarannya ke luar negeri termasuk Malaysia.

Menyadari hakikat ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya syarikat Korea seperti itu dibina di Malaysia. Beliau memberi jaminan kepada usahawan Korea bahawa jika syarikat perabot dibina di Malaysia, bekalan bahan mentah tidak akan putus dan tenaga pekerja juga tidak perlu dibimbangkan.

Utuh sebabnya bellau menggalakkan usahawan Korea melaburkan modal dan menyertai industri yang berasaskan bahan-bahan mentah yang ada di negara ini seperti balak, getah, timah, minyak sawit, petroleum, moko dan sebagainya.

Perdana Menteri memberi jaminan kepada usahawan-usahawan Korea bahawa mereka tidak

akan rugi jika melabur di negara-negara ASEAN termasuk Malaysia.

Faktor di ASEAN adalah baik dan menggalakkan kerana rantau ini mempunyai 200 juta penduduk. "Lagipun ASEAN banyak mengeluarkan bahan-bahan mentah untuk keperluan berbagai projek," tambahnya lagi.

Untuk memudahkan kunjungan pelabur-pelabur Korea itu, kedua negara telah bersepakat untuk memudahkan syarat visa yang bertukar-tukar buan depan.

Perjalanan mengenai pemenuhan sebahagian dari syarat-syarat visa itu telah ditandatangani untuk memudahkan perjalanan rakyat kedua negara, khususnya golongan pelajar dan pelajar.

Langkah itu juga akan dapat menjalin hubungan persahabatan dan persefahaman yang lebih erat antara rakyat kedua negara yang berbeda kebudayaan, agama dan bahasa.

Antara yang patut dipelajari dari Korea ialah Projek Samaul Undong — gerakan membentuk masyarakat baru. Projek itu diakui membawa negara itu ke arah kemajuan, khususnya dalam pembangunan luar bandar.

Di samping itu, beliau juga ingin meningkatkan semangat rakyat supaya rajin bekerja, meliberalis alam sekitar dan meningkatkan pendapatan penduduk.

Perdana Menteri diberi penerangan ringkas mengenai perkara itu oleh Timbalan Perdana Menteri Korea, Enock Suh Suk-Joon yang juga Menteri Perancangan Ekonomi.

Dua minggu lagi, projek itu diakui mengandungi banyak contoh yang boleh diteladani dan tentulah di pihak kita aspek-aspek yang baik dari projek itu akan diuji untuk dilaksanakan dengan keadaan negara ini.

Ini adalah salah satu sebab mengapa kerajaan menoleh ke Timur. Dan dasar ini tidak bermakna Malaysia memaksa Korea memberi bantuan. "Kita cuma ingin belajar dan menerapkan cara Korea bekerja, membangunkan negerinya," jelas bellau berturus-terang.

Semangat rakyat

Perdana Menteri juga tertarik dengan usaha Korea Selatan mengatasi inflasi dan pengangguran. Beliau diberitahu bahawa hasil pengurangan dari Korea hanya 4.4 peratus sahaja iaitu turun kepada empat peratus menjelang tahun 1986.

Kita cuma ingin belajar dan menerapkan lebih 22 peratus dan menjadi hanya lima peratus sahaja tahun lalu. Ini tentu menginspirasi kerajaan republik itu masih mampu untuk terus membangun walaupun dunia kini menghadapi kemelut ekonomi.

Jaya jelas, lawatan semalam Perdana Menteri ke Korea Selatan adalah berhasil. Beliau, pemimpin kedua negara bersatu bersetu hati untuk meningkatkan kerjasama dua hala di sektor ekonomi khususnya di bidang perdagangan dan perindustrian.

Presiden Chun dan Perdana Menteri, Enock Kim Sang-Hyup berbangga apabila Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan minat untuk menjadikan Korea sebagai sebuah negara yang akan diteladani.


Dalam hal ini Korea menyambut baik dan akan membantu seboleh mungkin menjayakan dasar itu.

Dan yang paling penting, rakyat negara ini perlu digerakkan dan disedarkan supaya rajin bekerja untuk membangunkan negara dan memajukan diri sendiri.

Kerajinan diri untuk menyertai projek yang lebih besar harus ditanamkan kepada usahawan-usahawan tempatan, khususnya di Sumatera.

Jika hal ini terlaksana seperti yang diramalkan, maka usaha menggalakkan pertumbuhan industri berat untuk membawa Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) akan menjadi kenyataan.

Antara yang patut dipelajari dari Korea ialah Projek Saemaul Undong, yang membawa negara ini ke arah kemajuan, khususnya dalam pembangunan luar bandar



Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah melihat pengalangan pemasangan kereta di kilang Syarikat Daewoo Motor.